

Keputusan batal HSR dan ECRL adalah wajar
Astro Awani
8 Jun 2018
Adie Sufian Zulkefli

ALOR SETAR: Keputusan kerajaan membatalkan projek kereta api laju Kuala Lumpur-Sinapura (HSR) dan projek kereta api pantai timur (ECRL) adalah wajar.

Menteri Dalam Negeri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata projek berkenaan tidak membawa kelebihan kepada Malaysia, sebaliknya menyebabkan hutang negara meningkat.

"Perdana Menteri telah mengumumkan tentang pembatalan HSR yang menelan belanja RM124 bilion. Namun, penjimatan tempoh perjalanan hanya satu jam.

"Oleh itu, keputusan dibuat untuk membatalkan projek ini serta projek Kereta Api Pantai Timur (ECRL) kerana keutamaan perlu diberi kepada pengurusan hutang negara sendiri," katanya dalam majlis terbuka puasa di Alor Setar pada Khamis.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir serta lebih 1,000 orang daripada golongan asnaf yang menerima sumbangan wang tunai daripada Kerajaan Negeri.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/keputusan-batal-hsr-dan-ecrl-adalah-wajar-177627>